



MAJLIS ISLAM SARAWAK

MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17,
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,
JALAN P.RAMLEE,
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA
TEL :082-507214 FAKS :082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA
TEL :082-507215 FAKS :082-507241

TALIAN AM
TEL :082-507251/507250 FAKS:082-507254

Rujukan Kami : JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (14)
Tarikh : 8 November 2022/ 13 Rabiulakhir 1444H

SEMUA Pengerusi Lembaga Amanah Kebaikhan SEMUA Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau DI SELURUH SARAWAK

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

YBhg. Dato Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PERUNTUKAN ORDINAN MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2001 - Pengimarahen Masjid Dan Surau Negeri Sarawak

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian pihak YBhg. Dato Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan mengenai peruntukan-peruntukan Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 seperti berikut:

Seksyen 58(1)(d)

"Tiada orang boleh mengajar atau mengembangkan atau memperjelaskan kepada orang ramai apa-apa doktrin tentang agama Islam di dalam Negeri tanpa kelulusan bertulis Majlis" dan

Seksyen 61 (1)

"Majlis boleh melantik seseorang yang layak dan patut untuk menjadi pegawai masjid bagi mana-mana masjid di dalam Negeri"

2. Sehubungan dengan itu, selaras dengan peruntukan Ordinan tersebut, pihak Majlis Islam Sarawak ingin menegaskan perkara-perkara berikut:

- (i) Tidak dibenarkan sesiapaupun untuk mengajar, menyampaikan atau menerangkan mengenai agama Islam, termasuk berceramah dan berkhotbah di mana-mana masjid di dalam Negeri Sarawak, melainkan setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Majlis Islam Sarawak; dan
- (ii) Mana-mana pegawai masjid adalah tidak dibenarkan untuk menyerahkan tugas-tugas mengimamkan solat, menyampaikan khutbah dan lain-lain kepada mana-mana orang melainkan terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Majlis Islam Sarawak atau pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis Islam Sarawak.

3. Keprihatinan dan kerjasama pihak YBhg. Dato Sri/ Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, *wassalam*.

**"PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH"
"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"**

(USTAZ HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)
Setiausaha
Majlis Islam Sarawak